

05/08/1998

Singapura perlu hormati Malaysia

GUA MUSANG, Selasa -Kerajaan Singapura perlu menghormati Malaysia sebelum mengambil sebarang tindakan yang membabitkan hubungan dan kepentingan rakyat kedua-dua negara.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata sebagai negara jiran Singapura sepatutnya berunding terlebih dulu dengan Malaysia bagi menjamin hubungan baik di antara dua negara itu berkekalan.

Singapura, tegasnya, perlu menghormati Malaysia jika mahu memastikan hubungan baik itu terus kekal.

"Apabila kita menghormati dia (Singapura) sepatutnya dia menghormati kita. Itu adat kita berjiran.

"Malah dalam Islam digalakkan memberitahu jiran terlebih dahulu apabila kita hendak menjual tanah kepada orang lain.

"Ini perlu diakur oleh Singapura, apatah lagi negara itu pernah menjadi sebahagian daripada Tanah Melayu," katanya selepas mendengar taklimat mengenai pembangunan jajahan Gua Musang oleh ketua jajahan itu, Mohd Azamli Jamaludin, di Bilik Gerakan, Pejabat Tanah dan Jajahan itu, di sini, hari ini.

Beliau yang juga Menteri Besar Kelantan diminta mengulas mengenai isu terbaru membabitkan pemindahan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Singapura di Woodlands dari Tanjong Pagar.

Menurut Nik Abdul Aziz, kekeruhan di antara dua negara jiran itu berpunca daripada sikap Singapura sendiri yang enggan berunding.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan sebarang masalah berbangkit antara Malaysia dan Singapura, berpunca daripada sikap republik itu sendiri.

"Sebagai negara berjiran kita tidak boleh bersikap begitu, mesti bertolak ansur dan hormat menghormati di antara satu sama lain," katanya.

(END)